



---

**SIARAN AKHBAR  
UNTUK EDARAN SEGERA**

**Theta Edge Berhad Peroleh Persetujuan Pemegang Saham untuk Menerajui Pertumbuhan melalui Penempatan Saham Persendirian dan Sokongan Kewangan Strategik**

PETALING JAYA, 28 OGOS 2025 – Theta Edge Berhad (“Theta Edge” atau “Kumpulan”), penyedia terkemuka penyelesaian ICT bersepada dan platform digital, hari ini mengumumkan bahawa para pemegang saham telah meluluskan semua resolusi yang dibentangkan pada Mesyuarat Agung Luar Biasa (EGM) yang diadakan pada hari ini.

Kelulusan ini menandakan satu pencapaian penting dalam perjalanan transformasi strategik Theta Edge, mengukuhkan aspirasi syarikat untuk memperkuuh struktur modal, membuka peluang baharu dalam inovasi digital, serta mempercepatkan pengembangan perniagaan dalam segmen berpotensi tinggi.

**Kelulusan Utama daripada EGM**

**Cadangan Penempatan Saham Persendirian**

Theta Edge telah mendapat kelulusan untuk melaksanakan penempatan saham persendirian sehingga 23,593,513 saham biasa baharu, bersamaan kira-kira 20% daripada jumlah modal saham terbitan semasa. Saham-saham ini akan diterbitkan pada harga tidak melebihi diskaun 10% daripada purata harga pasaran wajaran volum lima hari (VWAMP) sebelum tarikh penetapan harga.

Datuk Nurasrina Zainal Abidin, Pengarah Urusan Kumpulan & Ketua Pegawai Eksekutif Theta Edge Berhad, berkata “Mandat kukuh daripada para pemegang saham mencerminkan keyakinan mereka terhadap strategi pertumbuhan Theta Edge. Penempatan saham persendirian ini memberikan fleksibiliti kewangan untuk kami menumpukan kepada dua keutamaan utama; melaksanakan projek baharu yang telah diperoleh dan meneroka potensi pelaburan baharu dalam bidang pertumbuhan tinggi seperti platform berasaskan AI, penyelesaian mobiliti, aplikasi IoT, dan infrastruktur bandar pintar. Antara pencapaian terkini kami ialah konsesi Bandar Pintar 20 tahun bersama MPAJ, pelancaran unit sinar-X mudah alih berasaskan AI dengan *National Cancer Society Malaysia*, kemajuan platform telematik eCall bersama CSE Engineering, pembangunan platform kesihatan digital melalui usaha sama dengan Agmo Holdings, serta pendaftaran harta intelek bagi Mobiliti Haji. Dengan kedudukan yang lebih kukuh ini, Theta Edge bersedia untuk meningkatkan kapasiti operasi,

membina kerjasama strategik, dan menyampaikan nilai mampan kepada para pemegang kepentingan."

### **Cadangan Pemberian Bantuan Kewangan**

Pemegang saham turut meluluskan pemberian bantuan kewangan kepada PG Linkaranfibre Sdn. Bhd. ("Linkaran"), yang membolehkan Theta Edge dan anak-anak syarikatnya menyertai secara strategik bagi pihak konsortium dalam projek infrastruktur digital dan pembangunan gentian terpilih.

"Theta Edge komited untuk menyampaikan nilai mampan dan bermakna kepada para pemegang kepentingan. Resolusi yang diluluskan pada EGM hari ini membuka laluan untuk kami melaksanakan pengembangan strategik dengan mengekalkan pendekatan berhemat dalam pengurusan modal. Dengan kedudukan kewangan yang lebih kukuh dan pelan hala tuju yang jelas, Theta Edge berada dalam kedudukan terbaik untuk merebut peluang baharu serta memacu nilai jangka panjang kepada pemegang saham," kata Tan Sri Rahman Mamat, Pengurus Theta Edge Berhad.

### **Memacu Pertumbuhan Strategik dan Penjenamaan Masa Hadapan**

Kelulusan yang dicapai hari ini adalah sebahagian daripada strategi menyeluruh Theta Edge untuk memperkuuh kedudukan kewangan melalui suntikan ekuiti baharu serta nisbah hutang yang lebih baik, di samping menarik pelabur dan rakan strategik baharu bagi mewujudkan sinergi operasi dan teknologi. Dengan fleksibiliti kewangan yang dipertingkatkan, Kumpulan kini berupaya mempercepatkan pelaksanaan projek dan merebut peluang baharu dalam platform digital berasaskan AI, penyelesaian mobiliti, aplikasi IoT, serta infrastruktur bandar pintar.

Inisiatif-inisiatif ini direka untuk meningkatkan nilai pemegang saham dengan melaburkan dana ke dalam bidang perniagaan berpotensi tinggi serta berskala, yang sejajar sepenuhnya dengan pelan transformasi jangka panjang Theta Edge.

**\*TAMAT\***

---

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Azzatullina Pawanchik | [azzatullina.pawanchik@theta-edge.com](mailto:azzatullina.pawanchik@theta-edge.com)  
Rashid Ramli | [rashid.ramli@theta-edge.com](mailto:rashid.ramli@theta-edge.com)

Komunikasi Strategik Kumpulan, Theta Edge Berhad

### **Mengenai Theta Edge Berhad**

Theta Edge Berhad merupakan peneraju dalam penyediaan penyelesaian teknologi dan transformasi digital di Malaysia, komited untuk menawarkan solusi yang pintar, berskala dan mampan merentasi pelbagai industri. Berteraskan kecemerlangan dan inovasi, syarikat ini telah berkembang daripada

tumpuan asalnya kepada projek berdasarkan kerajaan kepada model perniagaan berdasarkan platform yang dinamik, merangkumi pasaran B2B dan B2C dengan penekanan strategik terhadap Bandar Pintar, Kesihatan Digital, Mobiliti Pintar dan Wawasan Berasaskan Data.

Dipandu oleh visi untuk memperkasakan penerimاغunaan teknologi demi masa depan yang mampan, Theta Edge Berhad memanfaatkan kepakarannya dalam bidang Kecerdasan Buatan (AI), Internet Benda (IoT), keselamatan siber dan perkhidmatan berasaskan awan bagi memperkasa perniagaan, agensi kerajaan dan komuniti. Disokong oleh tenaga kerja berkemahiran tinggi serta rangka kerja operasi yang fleksibel, syarikat ini terus komited dalam memacu pertumbuhan mampan, penyelesaian inovatif dan aliran pendapatan berdaya tahan yang membentuk masa depan teknologi.

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web kami. [www.theta-edge.com](http://www.theta-edge.com)

#### **Mengenai Persatuan Kanser Kebangsaan Malaysia(NCSM)**

Ditubuhkan pada tahun 1966, NCSM merupakan organisasi kanser bukan berasaskan keuntungan yang pertama di Malaysia, yang menyediakan perkhidmatan pendidikan, penjagaan dan sokongan kepada pesakit kanser serta orang awam. NCSM mengendalikan perkhidmatan saringan dan diagnostik kanser, selain melaksanakan program jangkauan dan sokongan di seluruh negara.